

## RESEARCH ARTICLE

## Kesesuaian dan Kebolehfahaman Penggunaan Istilah berkaitan Kesihatan dalam Hantaran Facebook 'Nutritionistkkm': Sebuah Analisis Kritis

Muhammad Wa'iz Md Norman\* and Zaliza Mohamad Nasir

Akademi Bahasa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310, Johor Bahru, Johor, Malaysia, Malaysia.

**ABSTRAK** - Dalam era komunikasi digital, penggunaan istilah kesihatan yang sesuai dan mudah difahami dalam media sosial memainkan peranan penting untuk memastikan maklumat kesihatan dapat disampaikan dengan berkesan kepada masyarakat. Laman Facebook 'Nutritionistkkm' merupakan salah satu platform rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia yang digunakan untuk menyebarkan maklumat berkaitan kesihatan dan pemakanan kepada orang awam. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti istilah-istilah kesihatan yang digunakan dalam hantaran Facebook Nutritionistkkm, menilai kesesuaian, ketepatan dan konteks penggunaannya, serta menilai kebolehfahaman istilah-istilah tersebut kepada khalayak sasaran. Selain itu, kajian ini juga menghuraikan bagaimana penggunaan istilah tersebut mempengaruhi pemahaman dan penerimaan maklumat kesihatan oleh masyarakat. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah analisis teks kualitatif ke atas hantaran yang dimuat naik sepanjang bulan Mei 2024. Istilah yang dikenal pasti telah dikodkan, dianalisis mengikut tema utama, dan dinilai berdasarkan kesesuaian konteks sosial dan budaya. Hasil kajian mendapati bahawa, kebanyakan istilah yang digunakan adalah sesuai dan mudah difahami oleh khalayak umum. Namun, terdapat juga istilah teknikal tertentu yang memerlukan penjelasan tambahan agar maklumat dapat difahami dengan lebih menyeluruh. Kajian ini mencadangkan agar penggunaan istilah dalam media sosial kesihatan dipertingkatkan dengan memilih istilah yang lebih mesra pengguna dan menambah penerangan ringkas bagi istilah yang kompleks untuk meningkatkan pemahaman khalayak.

## ARTICLE HISTORY

Received: 10 December 2024

Revised: 12 August 2025

Accepted: 12 September 2025

Published: 25 September 2025

## KATA KUNCI

Facebook

Istilah kesihatan

Komunikasi kesihatan

Komunikasi media sosial

Nutritionistkkm

## The Appropriateness and Comprehensibility of Health-related Terminology Used in 'Nutritionistkkm' Facebook Posts: A Critical Analysis

**ABSTRACT** – In the era of digital communication, the use of appropriate and easily understandable health-related terminology in social media is essential to ensure effective delivery of health information to the public. The Nutritionistkkm Facebook page, one of the official platforms managed by the Ministry of Health Malaysia, actively disseminates health and nutrition information to the public. This study aims to identify the health-related terms used in Nutritionistkkm Facebook posts, assess their appropriateness, accuracy, and contextual relevance, and evaluate the comprehensibility of these terms to the target audience. Additionally, this study describes how the use of such terms influence public understanding and acceptance of health information. This qualitative text analysis was conducted on Facebook posts published throughout May 2024. The identified terms were coded, thematically analysed, and evaluated based on their alignment with social and cultural contexts. The results revealed that most of the health terms used are appropriate and easily understood by the public. However, some technical terms require additional explanation to ensure complete comprehension. This study recommends that the use of health terminology on social media should be improved by selecting more user-friendly terms and providing brief explanations for complex terminology to enhance public understanding.

## KEYWORDS

Facebook

Health communication

Health terminology

Nutritionistkkm

Social media communication

### 1.0 PENGENALAN

Penggunaan istilah kesihatan yang tepat dan sesuai adalah penting untuk memastikan komunikasi yang berkesan antara profesional kesihatan dan masyarakat umum. Istilah kesihatan yang jelas dan tepat mengurangkan kekeliruan serta meningkatkan pemahaman orang awam, sekali gus menyokong kesedaran kesihatan yang betul (Centers for Disease Control and Prevention, 2025; Elliott et al., 2023; Gotlieb et al., 2022; National Institutes of Health, 2025; Sayfi et al., 2024; World Health Organization, 2024). Dalam konteks

\*CORRESPONDING AUTHOR | Muhammad Wa'iz Md Norman | ✉ [muhammadwaiz@graduate.utm.my](mailto:muhammadwaiz@graduate.utm.my)

penyampaian maklumat kesihatan, kajian menunjukkan bahawa penggunaan istilah kesihatan yang tepat dan jelas tidak hanya membantu menjelaskan risiko dan langkah pencegahan dengan lebih efektif, tetapi juga menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup dan perubahan tingkah laku kesihatan (Sharkiya, 2023; Bakhit et al., 2024; Porat et al., 2020; Leslie et al., 2025).

Dalam usaha menggalakkan pemakanan dan gaya hidup sihat, Kementerian Kesihatan Malaysia telah melancarkan pelbagai inisiatif untuk mendekati dan memberi penerangan kepada orang awam di Malaysia. Salah satunya adalah menerusi pewujudan laman Facebook Nutritionistkkm (Kementerian Kesihatan Malaysia, n.d.). Laman ini berfungsi sebagai platform untuk menyebarkan maklumat tentang pemakanan sihat, menyediakan panduan pemakanan, serta berkongsi tip-tip yang berguna kepada masyarakat awam. Melalui laman Facebook ini, Bahagian Pemakanan Kementerian Kesihatan Malaysia berkongsi maklumat dalam bentuk infografik, video pendidikan, dan hantaran ringkas yang berkaitan dengan pemakanan sihat. Inisiatif ini bukan sahaja membantu dalam menyebarkan maklumat kesihatan yang tepat, tetapi juga membolehkan interaksi langsung antara masyarakat dan pakar pemakanan melalui komen dan mesej di media sosial.

Kajian mengenai penggunaan istilah kesihatan dan kebolehfahamannya adalah sangat relevan dalam konteks budaya dan sosial di Malaysia. Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian etnik, bahasa, dan budaya, di mana setiap kumpulan etnik memiliki bahasa dan dialek tersendiri. Dalam konteks ini, pemahaman dan penerimaan istilah kesihatan boleh berbeza-beza mengikut latar belakang budaya dan bahasa setiap kumpulan masyarakat. Oleh itu, adalah penting bagi pihak yang terlibat dalam program kesihatan awam dan komunikasi kesihatan di Malaysia untuk menggunakan istilah yang bukan sahaja tepat, tetapi juga sesuai dengan sensitiviti budaya dan linguistik masyarakat setempat kerana ia meningkatkan kepercayaan dan sokongan masyarakat selain memudahkan komunikasi risiko dan intervensi kesihatan yang lebih berkesan (Pocock et al., 2020; Taye et al., 2024; Telang et al., 2025).

Mengambil kira kebiasaan budaya dan norma sosial, pemilihan istilah kesihatan yang sesuai dan mudah difahami dapat meningkatkan keberkesanan penyampaian mesej kesihatan serta memastikan maklumat dapat diterima dengan baik oleh semua lapisan masyarakat (Liu et al., 2021). Kajian ini dapat membantu pihak berkaitan merumuskan strategi komunikasi kesihatan yang lebih berkesan, yang seterusnya dapat meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat tentang isu-isu kesihatan, serta mendorong perubahan tingkah laku kesihatan yang positif dalam kalangan rakyat Malaysia.

### 1.1 Penggunaan Media Sosial untuk Penyampaian Maklumat Kesihatan

Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat, media sosial telah menjadi salah satu saluran utama dalam penyampaian maklumat kesihatan kepada masyarakat (Chen & Wang, 2021; Lim et al., 2022). Penyelidikan terkini semakin menumpukan kepada peranan media sosial dalam komunikasi kesihatan dengan meneroka tujuannya dan penggunaannya dalam menyebarkan intervensi perubahan tingkah laku (Chen & Wang, 2021; Dadgostar et al., 2024). Hal ini demikian kerana, media sosial berperanan penting dalam menyebarkan maklumat kesihatan dengan lebih pantas dan meluas, serta berkebolehan mempengaruhi tingkah laku individu terhadap kesihatan dan penjagaan kesihatan, khususnya di negara-negara berpendapatan rendah dan sederhana disebabkan kekurangan akses terhadap informasi kesihatan secara tradisional (Hagg et al., 2018; Park et al., 2020). Platform ini membolehkan akses pantas kepada sejumlah besar maklumat, namun platform ini juga berisiko menyebarkan maklumat yang tidak tepat atau mengelirukan. Media sosial juga membolehkan individu berkongsi pengalaman peribadi tentang kesihatan, yang boleh mempengaruhi tingkah laku pengguna lain (Nabi et al., 2019). Selain itu, kempen kesedaran kesihatan di media sosial turut dapat mencapai khalayak yang luas dan lebih berkesan dalam mempromosikan kesihatan awam (Agoulmam & Chakor, 2024). Platform seperti laman sosial, laman perkongsian video, dan laman soal jawab sosial digunakan untuk mencari nasihat kesihatan, mengetahui tentang simptom, dan mempelajari pelbagai keadaan kesihatan.

Namun, terdapat kebimbangan tentang pemahaman maklumat kesihatan yang tidak tepat kerana maklumat kesihatan yang salah ini menyebar dengan pantas di media sosial terutamanya berkaitan topik vaksinasi, virus Ebola dan Zika, nutrisi, kanser dan pemfluoridaan air (Wang et al., 2019). Kesan daripada penyebaran maklumat kesihatan yang tidak tepat ini boleh memperlambat atau menghalang penjagaan kesihatan yang berkesan, dan seterusnya mendedahkan ancaman kepada kesihatan awam selain peningkatan kebimbangan berkaitan kesihatan (Bastani & Bahrami, 2020; Wang et al., 2019). Secara umumnya, media sosial telah mengubah cara penyelidik menyebarkan maklumat kepada orang awam. Media sosial membolehkan penyelidik untuk berkomunikasi dengan masyarakat awam dan meningkatkan kesedaran kesihatan dengan cara yang lebih mudah difahami. Walau bagaimanapun, keberkesanan penyampaian maklumat kesihatan di media sosial sangat bergantung kepada penggunaan bahasa dan istilah yang sesuai agar mesej yang disampaikan dapat difahami dengan jelas oleh semua lapisan masyarakat.

### 1.2 Kepentingan Bahasa dan Istilah dalam Komunikasi Kesihatan

Penggunaan bahasa dan istilah yang tepat dalam komunikasi kesihatan adalah penting untuk memastikan penyampaian maklumat yang jelas dan mudah difahami oleh masyarakat. Kajian menunjukkan bahawa, bahasa yang jelas dan tegas, bersama-sama dengan istilah perubatan yang sesuai dapat meningkatkan pemahaman serta penerimaan maklumat kesihatan dalam kalangan pengguna (Zhao et al., 2023). Kajian oleh Daniele (2021) menyatakan bahawa, bidang komunikasi kesihatan sememangnya melibatkan penterjemahan intrabahasa, iaitu bahasa perubatan yang kompleks ditransformasikan menjadi bahasa umum yang dapat difahami oleh masyarakat awam. Kerumitan dan sifat khusus istilah perubatan itu sendiri boleh membawa kepada salah faham dalam kalangan orang awam, yang seterusnya merumitkan lagi isu maklumat kesihatan yang tidak tepat (Chen et al., 2022). Kajian-kajian di atas ini menunjukkan bahawa, istilah perubatan dan frasa kompleks sering menjadi penghalang utama bagi orang awam untuk memahami maklumat kesihatan, dan ia memerlukan transformasi linguistik yang efektif untuk meningkatkan pemahaman orang awam.

Penyelidikan oleh Dews et al. (2024) turut membincangkan bagaimana penggunaan bahasa yang inklusif dan mudah dapat merapatkan jurang antara penyelidik kesihatan dan pesakit. Penggunaan bahasa teknikal yang sukar difahami boleh menghalang penglibatan pesakit dalam penyelidikan kesihatan. Kajian ini menekankan pentingnya penggunaan istilah yang standard dan bahasa yang mudah difahami untuk meningkatkan keterlibatan dan rasa dihargai dalam kalangan pesakit. Pedrini (2023) pula menekankan bahawa, penggunaan bahasa yang jelas dan mudah dapat membantu mengatasi halangan ini selain memastikan maklumat kesihatan dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat. Kajian ini juga menekankan keperluan lebih banyak penyelidikan tentang cara meningkatkan kebolehpasaran teks kesihatan. Begitu juga dengan kajian yang meneliti persepsi orang dewasa terhadap istilah yang digunakan untuk menggambarkan makanan tidak sihat seperti "*junk food*", "*snack food*", "*party food*", dan "*discretionary food*". Hasil kajian menunjukkan bahawa, istilah "*junk food*" paling jelas dikaitkan dengan makanan yang tidak sihat. Manakala istilah lain mempunyai makna yang berbeza dalam kalangan responden. Istilah "*discretionary food*" pula kurang dikenali oleh orang awam, menunjukkan perlunya kepada pemilihan istilah yang tepat dalam program pendidikan pemakanan untuk meningkatkan keberkesanan komunikasi (Pettigrew et al., 2017). Berdasarkan kepada kajian-kajian tersebut, terdapat kepentingan penggunaan bahasa dan istilah yang mudah difahami oleh orang awam dalam komunikasi kesihatan yang berkesan. Meskipun pelbagai kajian lepas telah membincangkan kepentingan penggunaan bahasa yang mudah difahami, kajian yang menilai secara khusus kesesuaian dan kebolehfahaman istilah kesihatan dalam konteks media sosial tempatan seperti laman Facebook Nutritionistkkm masih terhad dan memerlukan perhatian lebih mendalam.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Kajian penggunaan peristilahan kesihatan dalam hantaran media sosial adalah penting untuk memahami bagaimana sesuatu maklumat kesihatan itu disampaikan kepada khalayak umum. Penggunaan istilah kesihatan yang tepat dan disesuaikan dengan tahap pemahaman orang awam dapat meningkatkan kesedaran kesihatan dan mendorong tingkah laku sihat. Walau bagaimanapun, perbezaan dalam terminologi antara profesional kesihatan dan orang awam sering menyebabkan kekeliruan dan salah faham. Kajian ada menyatakan bahawa, kekeliruan dalam istilah atau terminologi perubatan terbukti mengelirukan pesakit, melemahkan kefahaman mereka terhadap rawatan, dan berpotensi meningkatkan keresahan serta mengurangkan keterlibatan dalam keputusan penjagaan kesihatan (Rosenberg, 2023; Gottlieb et al., 2022). Kajian oleh Hayes et al. (2018) turut menyatakan bahawa ramai pesakit mempunyai kesukaran untuk memahami dan menerangkan istilah yang biasa digunakan dalam ubat-ubatan oral yang menyebabkan salah faham, keresahan dan seterusnya membuat keputusan kesihatan yang tidak betul.

Walaupun bagaimanapun, kajian oleh Tutubalina et al. (2018) ada menyatakan bahawa, penyesuaian terminologi kesihatan melalui pembelajaran rangkaian neural berulang (*recurrent neural networks*) dapat meningkatkan ketepatan pengenalan konsep kesihatan dalam teks media sosial. Ini membolehkan maklumat kesihatan yang kompleks disampaikan dengan cara yang lebih mudah difahami oleh orang awam, sekali gus meningkatkan pemahaman mereka tentang isu kesihatan. Penelitian oleh Wang dan Zhang (2019) pula menekankan peranan penting media sosial dalam meningkatkan komunikasi antara profesional kesihatan dan pengguna kesihatan. Ini kerana, media sosial menyediakan saluran terbuka dan efektif untuk mencari dan mendapatkan maklumat kesihatan. Namun, terdapat cabaran untuk memastikan maklumat yang disebarkan itu tepat dan tidak mengelirukan terutama sekali dalam konteks komunikasi yang melibatkan penggunaan istilah kesihatan dan perubatan bersama-sama orang awam.

Sebahagian besar populasi Malaysia memiliki tahap literasi kesihatan yang mencukupi, namun tahap literasi tersebut berada pada tahap yang lebih rendah dalam skala kecukupan (Azlan et al., 2021; Jaafar et al., 2021; Perialathan et al., 2023). Kenyataan ini menunjukkan bahawa, walaupun terdapat tahap asas literasi kesihatan dalam kalangan rakyat Malaysia, masih terdapat keperluan untuk meningkatkan kualiti dan pemahaman mereka tentang maklumat kesihatan. Ini adalah penting kerana tahap literasi kesihatan yang rendah boleh menyebabkan salah faham terhadap istilah kesihatan yang digunakan dalam komunikasi awam, termasuk di media sosial. Selain itu, tahap literasi kesihatan yang terhad adalah lazim dalam kalangan kumpulan tertentu, termasuklah warga emas, individu yang berpendidikan rendah, dan isi rumah berpendapatan rendah (Azlan et al., 2021; Jaafar et al., 2021; Perialathan et al., 2023). Fakta ini menekankan kepentingan kajian ini kerana kumpulan-kumpulan ini mungkin menghadapi kesukaran yang lebih besar dalam memahami istilah kesihatan yang kompleks atau bersifat teknikal.

Dengan mengkaji sejauh mana istilah-istilah kesihatan yang digunakan di media sosial sesuai dan dapat difahami oleh khalayak sasaran, kajian ini dapat memberikan panduan penting dalam merancang strategi komunikasi kesihatan yang lebih inklusif dan berkesan, terutamanya untuk golongan yang lebih terdedah kepada literasi kesihatan yang terhad. Oleh itu, kajian ini sangat relevan dalam usaha menilai kesesuaian penggunaan dan kebolehfahaman istilah kesihatan di platform seperti Facebook, khususnya dalam memastikan maklumat yang disampaikan dapat difahami dengan baik oleh semua lapisan masyarakat. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan dengan objektif untuk:

- Mengenal pasti istilah-istilah kesihatan yang digunakan dalam hantaran media sosial Nutritionistkkm melalui analisis teks kualitatif serta menilai kesesuaian, ketepatan, dan konteks penggunaannya berdasarkan analisis kandungan.
- Menilai kebolehfahaman istilah-istilah kesihatan yang digunakan dalam hantaran media sosial Nutritionistkkm kepada khalayak sasaran.
- Menghuraikan bagaimana penggunaan istilah tersebut mempengaruhi pemahaman dan penerimaan maklumat kesihatan oleh masyarakat.

Objektif-objektif ini diharapkan dapat memberikan sumbangan bermakna dalam memperkukuhkan strategi komunikasi kesihatan di media sosial agar lebih mudah difahami, tepat, dan sesuai dengan konteks sosial dan budaya masyarakat tempatan.

## 2.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan teknik analisis teks untuk menganalisis penggunaan istilah kesihatan dalam hantaran laman Facebook Nutritionistkk. Pendekatan ini dipilih untuk mendapatkan pemahaman mendalam mengenai konteks dan kesesuaian penggunaan istilah kesihatan dalam komunikasi media sosial. Ini kerana pendekatan ini diiktiraf secara meluas kerana keupayaannya untuk meneroka "bagaimana" dan "mengapa" di sebalik fenomena kesihatan yang kompleks, memberikan wawasan (*insight*) yang kaya tentang konteks serta makna yang berkaitan dengan istilah kesihatan (Faria-Schützer et al., 2021; Sierpe et al., 2025). Data dikumpul dari laman Facebook Nutritionistkk untuk tempoh satu bulan, iaitu sepanjang bulan Mei 2024.

### 2.1 Sampel Kajian

Pemilihan sampel dalam kajian ini dilakukan dengan mengambil kira keperluan untuk mendapatkan data yang relevan dan representatif bagi tujuan analisis penggunaan istilah kesihatan di media sosial. Laman Facebook Nutritionistkk dipilih sebagai sumber data kerana ia merupakan platform rasmi yang aktif digunakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menyampaikan maklumat kesihatan kepada masyarakat umum.

Tempoh satu bulan sepanjang Mei 2024 dipilih untuk pengumpulan data bagi memastikan terdapatnya variasi dan keseimbangan dalam jenis dan kandungan hantaran yang dianalisis. Pemilihan tempoh ini juga bertujuan untuk mengelakkan bias yang mungkin timbul jika data dikumpul dalam jangka masa yang terlalu pendek, atau semasa kempen kesihatan tertentu yang mungkin tidak mewakili aktiviti komunikasi harian laman tersebut. Pemilihan tempoh satu bulan dalam kajian ini adalah berdasarkan pertimbangan kesesuaian jumlah data yang diperolehi dalam tempoh tersebut serta mengambil kira purata kekerapan hantaran harian laman Facebook Nutritionistkk, yang boleh memenuhi objektif kajian ini (Rocha-Silva et al., 2023). Tempoh ini membolehkan pengumpulan data relevan yang mencukupi untuk menganalisis variasi istilah kesihatan secara harian, tanpa mengambil masa yang terlalu panjang.

Pemilihan tempoh satu bulan dalam kajian ini juga adalah bersesuaian dengan reka bentuk kajian yang berasaskan analisis teks kualitatif, di mana kuantiti data bukanlah keutamaan utama. Dalam kajian kualitatif, tumpuan adalah kepada ketepatan, kedalaman analisis, dan makna yang boleh digali daripada kandungan teks, bukan kepada bilangan hantaran yang dianalisis. Kebolehpercayaan dan kesan kajian kualitatif bergantung pada ketelitian tafsiran, abstraksi, dan keupayaan untuk mendedahkan kandungan dan tema terpendam dalam data, bukan pada jumlah bahan yang diproses (Lim, 2024; Lindgren et al., 2020; Morgan, 2022). Tempoh satu bulan telah membolehkan pengumpulan data yang mencukupi untuk menghasilkan dapatan yang bermakna, tanpa mengorbankan fokus terhadap ketelitian analisis. Pemilihan tempoh ini juga mengambil kira keperluan untuk memastikan skop kajian kekal terurus dan praktikal bagi membolehkan proses pengekodan, penentuan tema, dan analisis kontekstual dijalankan dengan lebih teliti dan sistematik.

### 2.2 Pengumpulan dan Analisis Data

Data dikumpulkan melalui kaedah pemerhatian bukan interaktif di mana semua hantaran Nutritionistkk dalam tempoh satu bulan dikumpulkan sepenuhnya dalam bentuk teks. Kaedah ini membolehkan data dikumpul secara semula jadi tanpa sebarang gangguan kepada aliran komunikasi asal laman tersebut. Setiap hantaran yang mengandungi maklumat kesihatan dianalisis, dan semua istilah kesihatan yang digunakan dalam teks hantaran dikenal pasti dan direkodkan. Langkah ini memastikan tiada istilah yang terlepas daripada perhatian semasa proses pengumpulan data. Langkah-langkah pengumpulan data adalah seperti berikut:

1. Membaca dan merekodkan semua hantaran Facebook Nutritionistkk sepanjang Mei 2024.
2. Mengetahui istilah kesihatan yang digunakan dalam setiap hantaran.
3. Menyusun semua istilah dalam senarai untuk dianalisis dalam fasa pengekodan seterusnya.

Pemilihan istilah adalah berdasarkan pemerhatian terus kepada kandungan hantaran dan disokong oleh rujukan glosari Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), Dewan Bahasa dan Pustaka, serta bahan rasmi media sosial KKM untuk memastikan kesahan istilah yang dianalisis. Data kemudiannya dianalisis menggunakan analisis kandungan secara sistematik untuk mengenal pasti tema, kekerapan istilah, dan konteks penggunaan dalam setiap hantaran. Langkah-langkah analisis data diperincikan seperti berikut:

1. Pengekodan awal (*open coding*): Semua istilah kesihatan yang telah dikenal pasti dikategorikan mengikut tema awal yang muncul daripada data seperti nutrisi, penyakit, pengambilan air, dan sebagainya. Proses ini dijalankan secara induktif tanpa rujukan awal kepada kategori tetap.
2. Pengiraan kekerapan istilah: Kekerapan kemunculan setiap istilah kesihatan dikira untuk mengenal pasti istilah yang paling dominan dalam komunikasi media sosial Nutritionistkk.
3. Pembentukan tema utama: Berdasarkan kekerapan dan kesamaan makna, tema-tema utama komunikasi kesihatan dikenal pasti seperti pemakanan sihat, pencegahan penyakit, dan hidrasi. Tema-tema ini digunakan untuk memahami fokus komunikasi kesihatan di laman tersebut.
4. Analisis kontekstual: Setiap istilah dianalisis berdasarkan konteks penggunaannya dalam hantaran termasuk gaya bahasa, sasaran khalayak, dan kesesuaian istilah dengan budaya tempatan.
5. Pengesahan tema: Proses pengesahan dilakukan dengan menilai kesesuaian tema dengan kandungan sebenar hantaran dan memastikan setiap tema mempunyai kesahan yang tinggi dalam komunikasi kesihatan.

Pendekatan ini memastikan hasil kajian tidak hanya berdasarkan pengiraan kuantitatif, tetapi turut mengambil kira aspek kualitatif seperti kefahaman, ketepatan istilah, dan kesesuaian istilah dengan budaya masyarakat Malaysia.

### 3.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Sepanjang bulan Mei 2024, terdapat 31 hantaran yang dibuat di laman Facebook Nutritionistkkm. Daripada jumlah tersebut, 30 hantaran adalah hantaran yang berkaitan dengan topik pemakanan secara langsung. Manakala satu hantaran pula adalah mengenai penyakit, yang kemudiannya dikaitkan dengan pemakanan yang sihat untuk mencegah penyakit tersebut. Analisis teks kemudiannya dijalankan bagi semua hantaran-hantaran ini. Analisis ini merangkumi dua kategori iaitu analisis kandungan yang terdiri daripada penggunaan istilah dan konsep, gaya bahasa, konteks penggunaan, serta analisis kritis yang meneliti keberkesanan komunikasi, kesesuaian dengan konteks sosial dan budaya, serta bias dan andaian. Penilaian teks juga dilakukan bagi melihat kekuatan, kelemahan, dan cadangan teks hantaran. Jadual 1 berikut memaparkan senarai istilah yang telah dikenal pasti berserta kekerapan kemunculan bagi setiap istilah dalam tempoh kajian.

**Jadual 1**

Kekerapan istilah kesihatan dalam hantaran Facebook Nutritionistkkm

Bil	Istilah / Konsep	Kekerapan Kemunculan
1	Kalori	6
2	Gula	3
3	Sodium / Garam (termasuk variasi garam)	6
4	Air Kosong	3
5	Hidrasi / Dehidrasi	2
6	Legum / Lentil / Kekacang / Kacang Kuda	4
7	Serat	3
8	Vitamin (A, B, C)	3
9	Asid Folik	2
10	Zat Besi	2
11	BMI	2
12	Obes / Berat Badan Berlebihan / Obesiti	4
13	Penyakit Tidak Berjangkit	3
14	Diabetes / Kencing Manis	2
15	Tekanan Darah Tinggi / Hipertensi	2
16	Suku Suku Separuh / Pinggan Sihat Malaysia	3
17	Pemakanan	3
18	Makanan Berkhasiat / Makanan Sihat	3
19	Minuman Manis	2
20	Smoothie	1
21	Versatil	1
22	Eating Disorder / Anoreksia / Bulimia Nervosa	1
23	Sedentari	1
24	Malpemakanan	1
25	Penyusuan Susu Ibu	1
26	Haemoglobin (Hb)	1
27	Sayur-sayuran / Ulam / Buah-buahan	4

Berdasarkan Jadual 1, jumlah keseluruhan kekerapan kemunculan istilah kesihatan adalah sebanyak 72 kali sepanjang tempoh kajian. Istilah yang paling kerap digunakan ialah “kalori” dan “garam/sodium”, masing-masing dicatatkan sebanyak enam kali kemunculan. Selain itu, istilah yang berkaitan dengan obesiti, pemakanan, dan pengambilan air turut mencatatkan kemunculan yang signifikan. Penggunaan istilah-istilah yang konsisten dan berulang ini menunjukkan penekanan laman Facebook Nutritionistkkm dalam mendidik masyarakat tentang aspek pemakanan sihat dan pencegahan penyakit tidak berjangkit. Dapatan ini menjadi asas penting dalam menilai keberkesanan komunikasi kesihatan di media sosial dan kesesuaian penggunaan istilah dalam konteks pemahaman orang awam.

### 3.1 Analisis Kandungan

Analisis kandungan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu istilah dan konsep, gaya bahasa dan konteks penggunaan hantaran:

#### 3.1.1 Istilah dan Konsep

Bagi analisis istilah dan konsep, terdapat empat tema utama yang dikenal pasti iaitu nutrisi dan pemakanan, kesihatan dan penyakit, pengambilan air dan hidrasi serta konteks kebangsaan. Analisis kandungan menunjukkan bahawa, kebanyakan hantaran adalah berkaitan dengan nutrisi dan pemakanan. Istilah seperti "makanan", "pemakanan", "kalori", "manis", "gula", "sodium", "serat", dan "vitamin" kerap muncul dalam hantaran-hantaran di laman Facebook Nutritionisttkm. Ini menunjukkan bahawa hantaran tersebut sering memberikan saranan mengenai pemakanan yang sihat, kandungan nutrien dalam makanan, dan kepentingan mengawal pengambilan kalori, gula, dan garam. Penekanan pada tema nutrisi dan pemakanan ini sejajar dengan objektif laman Facebook ini iaitu untuk mendidik masyarakat tentang pemakanan sihat.

Selain itu, tema kesihatan dan penyakit juga menonjol dalam analisis kandungan yang dijalankan. Istilah seperti "darah", "penyakit", "berjangkit", dan "obesiti" menunjukkan bahawa terdapat perhatian khusus terhadap kesihatan umum dan pencegahan penyakit. Hantaran seperti ini memberikan maklumat mengenai jenis penyakit, cara pencegahannya, dan kepentingan menjaga kesihatan untuk mengelakkan penyakit tidak berjangkit seperti obesiti. Hantaran yang memberi saranan pengambilan air dan hidrasi juga sering ditemui. Istilah seperti "air" dan "air kosong" menunjukkan bahawa laman ini aktif dalam menggalakkan pengambilan air yang mencukupi. Ini termasuk saranan mengenai jumlah air yang perlu diminum setiap hari untuk memastikan hidrasi yang baik dan kesihatan yang optimal.

Tema konteks kebangsaan juga ada diteliti menerusi beberapa hantaran. Istilah seperti "Pinggan Sihat Malaysia" atau "suku-suku separuh" mencadangkan bahawa laman ini memberi tumpuan kepada amalan kesihatan dan pemakanan dalam konteks budaya dan masyarakat Malaysia serta dasar-dasar kesihatan yang dipromosikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Penekanan kepada tema konteks kebangsaan adalah penting dalam memastikan bahawa saranan kesihatan yang diberikan adalah relevan dan dapat diaplikasikan dalam konteks kehidupan masyarakat Malaysia. Ini selari dengan dapatan kajian oleh Toma et al. (2022) yang menyatakan bahawa, informan dalam kajiannya di Scotland menekankan mengenai cabaran dalam menavigasi agenda dasar yang sentiasa berkembang dan sering bercanggah, serta kekurangan integrasi dan sokongan pelaksanaan daripada organisasi kesihatan dan penjagaan sosial di peringkat nasional. Ini menunjukkan bahawa, kempen atau komunikasi kesihatan yang selari dengan dasar kesihatan nasional yang relevan dengan masyarakat amat penting agar ia dapat diaplikasikan oleh anggota masyarakat dengan lebih mudah dan berkesan.

Dengan merujuk kepada dasar-dasar kesihatan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, laman ini bukan sahaja menyebarkan maklumat yang selari dengan inisiatif nasional, tetapi juga membantu memperkukuhkan sokongan awam terhadap usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan kesihatan rakyat.

#### 3.1.2 Gaya Bahasa

Dalam konteks komunikasi kesihatan di media sosial, istilah kesihatan tidak berdiri sendiri, tetapi disampaikan melalui gaya bahasa tertentu yang boleh mempengaruhi pemahaman, penerimaan dan tahap interaksi mesej oleh pengguna (Deng et al., 2021). Istilah yang sama boleh memberi kesan yang berbeza bergantung kepada gaya bahasa yang digunakan, sama ada formal, santai atau tidak formal, persuasif, teknikal, atau naratif (Lee et al., 2021; Nani, 2024; Pezzuti et al., 2021).

Dalam kajian ini, analisis gaya bahasa penting untuk menilai sama ada penggunaan istilah disokong dengan pemilihan bahasa yang sesuai dengan khalayak sasaran. Ini secara langsung mempengaruhi keberkesanan komunikasi. Apabila gaya bahasa yang digunakan jarang dipraktikkan, tidak formal atau menyimpang daripada norma seperti penggunaan slanga, jargon atau tatabahasa bukan standard, ia meningkatkan beban kognitif dan mengurangkan kelancaran pemrosesan, menjadikan pemahaman lebih sukar, walaupun istilah tersebut betul dari segi teknikal (Fiset et al., 2023). Oleh itu, gaya bahasa dan istilah saling berkait dalam memastikan mesej kesihatan disampaikan dengan berkesan, mudah difahami, dan diterima oleh orang awam dalam konteks media sosial.

Bagi analisis gaya bahasa, penyelidik meneliti gaya bahasa yang digunakan dalam setiap hantaran. Berdasarkan penelitian ini, sebanyak 11 hantaran di laman Facebook ini menggunakan gaya bahasa yang santai dan mesra. Pendekatan ini memastikan kandungan bukan sahaja informatif tetapi juga menarik, berpotensi meningkatkan interaksi dan pemahaman pengguna. Dengan menggunakan nada percakapan yang santai, hantaran ini memecahkan konsep kesihatan yang kompleks kepada bahagian yang mudah difahami, dengan itu meningkatkan pemahaman dan ingatan khalayak. Gaya bahasa motivasi juga turut dikesan dalam enam hantaran. Pendekatan gaya bahasa motivasi ini bersifat mendorong atau memberikan inspirasi kepada pembaca atau khalayak berkenaan gaya pemakanan mereka.

Selain itu, gaya bahasa persuasif juga menonjol dalam hantaran-hantaran di Facebook Nutritionisttkm dengan bilangan sebanyak lima hantaran. Hantaran dengan gaya bahasa persuasif ini direka untuk mempengaruhi khalayak bagi melakukan tingkah laku kesihatan yang positif. Dalam konteks komunikasi kesihatan, gaya bahasa persuasif sering digunakan untuk menggalakkan amalan gaya hidup sihat, meningkatkan kesedaran kesihatan, atau mempengaruhi perubahan tingkah laku (Chatterjee et al., 2021; Donadello & Dragoni, 2022; Dragoni et al., 2020). Terdapat juga beberapa hantaran yang menggunakan gaya bahasa informatif, iaitu sebanyak lima hantaran. Hantaran yang informatif ini memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat kesihatan yang tepat tanpa mempengaruhi khalayak. Ia memberikan pengetahuan kepada khalayak untuk membuat keputusan yang bermaklumat.

Terdapat hantaran yang menggunakan gaya bahasa teknikal, namun dengan jumlah yang agak sedikit, iaitu sebanyak dua hantaran. Keberkesanan hantaran ini bergantung pada sejauh mana istilah ini dijelaskan kepada khalayak. Memastikan jargon teknikal

dijelaskan dengan baik dan dihubungkan dengan konteks adalah penting untuk mengekalkan kejelasan dan mengelakkan salah faham (Hildenbrand, 2021; Pitt & Hendrickson, 2021). Akhir sekali, terdapat juga hantaran dengan gaya bahasa informal dan arah terus, masing-masing dengan satu hantaran sahaja. Gaya bahasa informal menggunakan pendekatan gaya bahasa yang tidak rasmi atau rojak. Manakala arah terus pula memberikan arahan atau panduan langsung kepada khalayak.

Secara keseluruhan, analisis gaya bahasa yang digunakan dalam hantaran di laman Facebook Nutritionistkk menunjukkan pendekatan komunikasi yang pelbagai dan strategik dalam menyampaikan maklumat kesihatan kepada khalayak. Dengan majoriti hantaran menggunakan gaya bahasa santai dan mesra, laman ini berjaya menjadikan kandungan kesihatan lebih mudah diakses dan difahami oleh pelbagai golongan masyarakat. Kajian oleh Wu et al. (2019) turut menyatakan bahawa, gaya bahasa yang mesra di media sosial meningkatkan jumlah komen dan nada positif khalayak. Manakala gaya bahasa yang bersifat autoritatif tidak mempunyai kesan yang signifikan kepada penglibatan khalayak. Di samping itu, penggunaan gaya bahasa motivasi dan persuasif memperlihatkan usaha yang jelas untuk mempengaruhi tingkah laku kesihatan khalayak secara positif. Ini dibuktikan dengan penelitian oleh Heffner et al. (2021) yang menyatakan, mesej prososial atau mesej yang bertujuan menggalakkan tingkah laku positif membangkitkan lebih banyak tindak balas emosi yang positif, yang kemudiannya meningkatkan kesediaan orang awam untuk mengasingkan diri semasa pandemik COVID-19 berbanding mesej ancaman. Walaupun penggunaan gaya bahasa teknikal adalah terhad, keperluan untuk penjelasan yang jelas dan kontekstual tetap penting untuk memastikan mesej disampaikan dengan berkesan.

Dalam kajian ini, keberkesanan penggunaan gaya bahasa dalam hantaran Facebook Nutritionistkk ditentukan melalui analisis kualitatif terhadap kebolehfahaman istilah, kesesuaian gaya bahasa dengan objektif mesej, dan kesesuaian dengan konteks sosial dan budaya tempatan. Kebolehfahaman dinilai berdasarkan ciri-ciri teks itu sendiri. Mesej yang dinilai sebagai berkesan adalah mesej yang menggunakan istilah yang mudah difahami, gaya bahasa yang sesuai dengan khalayak sasaran (contohnya gaya persuasif untuk mempengaruhi tindakan atau gaya motivasi untuk memberi dorongan positif), serta mengambil kira kesesuaian budaya dan norma masyarakat Malaysia. Penilaian ini juga melihat sama ada istilah teknikal yang digunakan disertakan dengan penjelasan yang mencukupi untuk memudahkan pemahaman orang awam. Pendekatan ini adalah selari dengan kaedah analisis kandungan dalam komunikasi kesihatan yang menilai kekuatan mesej berdasarkan struktur dan kebolehfahaman teks yang dianalisis. Secara keseluruhannya, kepelbagaian gaya bahasa ini memperkukuh keberkesanan laman Facebook Nutritionistkk dalam menyampaikan mesej kesihatan yang berimpak tinggi, sekali gus membantu khalayak membuat keputusan yang bermaklumat dan berasaskan fakta.

### 3.1.3 Konteks Penggunaan

Bagi analisis konteks penggunaan, penyelidik meneliti situasi atau konteks penggunaan istilah-istilah dalam setiap hantaran. Analisis konteks penggunaan menunjukkan bahawa, sebahagian besar hantaran di laman Facebook ini adalah berkaitan dengan pendidikan kesihatan, iaitu sebanyak 11 hantaran. Hantaran ini memberikan maklumat kesihatan umum yang bermanfaat dan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan kesihatan khalayak. Melalui pendidikan kesihatan, laman ini berusaha untuk mempromosikan gaya hidup yang lebih sihat dan pencegahan penyakit yang berkait rapat dengan gaya pemakanan.

Selain itu, tema kempen kesihatan juga banyak dilihat dalam hantaran yang dilakukan, iaitu sebanyak tujuh hantaran. Hantaran berbentuk kempen bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai isu-isu kesihatan tertentu, seperti pencegahan penyakit atau pemakanan sihat. Tema maklumat kesihatan umum adalah satu lagi aspek penting yang dikenal pasti dalam konteks penggunaan hantaran dengan jumlah sebanyak lima hantaran. Konteks ini merangkumi panduan umum tentang cara menjaga kesihatan yang baik, pemakanan seimbang, dan amalan gaya hidup sihat. Dengan menyediakan maklumat kesihatan umum, laman ini membantu khalayak memahami asas-asas kesihatan dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menjaga kesejahteraan mereka.

Tema amaran dan peringatan kesihatan juga banyak dilihat dalam hantaran iaitu sebanyak lima hantaran. Amaran dan peringatan ini membantu khalayak mengenal pasti bahaya yang mungkin dihadapi daripada pemakanan mereka dan mengambil tindakan pencegahan yang sewajarnya. Dengan menyediakan amaran yang tepat pada masanya, laman ini berusaha untuk melindungi kesihatan khalayak dan mencegah masalah kesihatan yang lebih serius yang berpunca daripada pemakanan yang tidak sihat. Akhir sekali, terdapat juga tema pengumuman dengan tiga hantaran yang berkisar dengan pengumuman sesuatu acara oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

Secara keseluruhan, analisis konteks penggunaan di laman Facebook Nutritionistkk menunjukkan pendekatan yang berfokus dalam menyampaikan mesej kesihatan kepada khalayak. Sebahagian besar hantaran berkontekskan pendidikan kesihatan, di mana hantaran berkaitan pendidikan kesihatan di media sosial boleh meningkatkan kadar penglibatan khalayak dengan lebih berkesan, di samping menggalakkan perubahan tingkah laku menerusi peningkatan pengetahuan orang awam dan juga efikasi sendiri (*self-efficacy*) (Musso et al., 2020; Sehdev et al., 2021; Wu et al., 2019). Contohnya, hantaran seperti saranan pengambilan kacang dalam diet harian sekurang-kurangnya empat kali seminggu menggunakan istilah seperti "kacang", "legum", dan "kacang dal" yang bertujuan mendidik orang awam tentang pilihan makanan sihat yang bermanfaat untuk kesihatan jantung. Selain itu, terdapat hantaran mengenai keutamaan dan kebaikan memilih buah-buahan sebagai snek yang menekankan istilah seperti "buah-buahan", "serat", dan "vitamin" untuk menggalakkan tabiat pemakanan sihat dalam kehidupan seharian. Hantaran penerangan tentang peningkatan berat badan sihat oleh wanita hamil pula menggunakan istilah seperti "*gestational weight gain (GWG)*" dan "asid folik" untuk memberikan panduan pemakanan sihat dan kawalan berat badan semasa kehamilan. Walau bagaimanapun, kepelbagaian konteks hantaran juga menguatkan keberkesanan laman dalam mendidik dan mempengaruhi khalayak, sekali gus menyumbang kepada usaha pencegahan penyakit dan pemeliharaan kesihatan masyarakat. Pemerhatian ini sejajar dengan bukti bahawa platform media sosial berfungsi sebagai saluran utama penyebaran maklumat kesihatan kepada orang awam, sama ada oleh institusi mahupun pengguna sendiri (Chen et al., 2021; Lim et al., 2022).

### 3.2 Analisis Kritis

Analisis kritis terdiri daripada tiga bahagian iaitu keberkesanan komunikasi, kesesuaian konteks sosial dan budaya, serta bias dan andaian:

#### 3.2.1 Keberkesanan Komunikasi

Menerusi analisis teks yang dijalankan, hampir keseluruhan hantaran menggunakan istilah yang berpotensi mudah difahami oleh orang awam. Dalam kajian ini, kefahaman istilah tidak diukur secara langsung melalui respons audiens, sebaliknya dinilai melalui analisis kualitatif terhadap kebolehfahaman istilah berdasarkan kesederhanaan bahasa, kejelasan konteks, dan kesesuaian penggunaan dalam ayat. Hantaran yang menggunakan istilah yang ringkas, lazim digunakan, dan disampaikan dalam gaya bahasa yang sesuai dengan audiens awam dianggap lebih berkesan dalam menyampaikan mesej kesihatan. Tema kejelasan dan kesederhanaan bahasa menonjol dalam analisis ini, di mana terdapat usaha yang jelas untuk memastikan istilah dan bahasa yang digunakan dalam hantaran adalah mudah diakses dan tidak terlalu teknikal. Penilaian ini adalah berdasarkan pendekatan analisis teks, dengan mempertimbangkan struktur ayat, pilihan perkataan, dan sejauh mana istilah tersebut dapat difahami secara logik oleh pembaca awam tanpa keperluan penjelasan lanjut.

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa hantaran yang menggunakan istilah yang kurang difahami atau agak jarang digunakan dalam kalangan orang awam. Sebagai contoh, istilah seperti "legum" dan "lentil" adalah istilah teknikal yang jarang digunakan dalam perbualan harian. Penggunaan istilah ini, meskipun tepat, mungkin menyebabkan sebahagian khalayak berasa terasing atau keliru, yang seterusnya boleh mengurangkan keberkesanan mesej. Selain itu, terdapat juga hantaran yang menggunakan istilah seperti "hidrasi." Walaupun istilah ini tidak terlalu sukar, ia mungkin tidak sebanding dalam perbendaharaan kata sebahagian besar khalayak umum, terutamanya mereka yang kurang terdedah kepada istilah kesihatan. Mesej yang disampaikan mungkin difahami secara umum, tetapi penggunaan istilah yang lebih mudah atau penjelasan tambahan mungkin diperlukan untuk memastikan pemahaman yang penuh. Penekanan terhadap komunikasi yang berpusatkan kepada golongan sasaran dengan bahasa yang jelas dan ringkas terbukti meningkatkan kejelasan mesej dan penerimaan khalayak (Ho et al., 2024).

Terdapat juga hantaran yang menggunakan istilah bahasa asing dan bersifat teknikal seperti "*gestational weight gain* (GWG)" dan "makrosomia." Istilah ini mungkin hanya difahami oleh khalayak yang mempunyai latar belakang kesihatan atau perubatan. Penggunaan istilah seperti ini tanpa penjelasan boleh menimbulkan kekeliruan, mengurangkan keberkesanan komunikasi, dan mungkin menyekat kemampuan khalayak untuk mengambil tindakan berdasarkan mesej tersebut.

Contoh lain termasuklah hantaran yang menyentuh isu gangguan pemakanan, di mana istilah seperti "anoreksia" dan "bulimia nervosa" digunakan. Begitu juga dengan penggunaan istilah "hipertensi," yang lebih jarang didengar berbanding "tekanan darah tinggi." Dalam kajian ini, penilaian sama ada istilah-istilah tersebut dikenali atau tidak oleh orang awam dibuat melalui analisis kualitatif berdasarkan tahap kebiasaan istilah dalam komunikasi harian, rujukan kepada glosari kesihatan awam, dan pertimbangan logik sama ada istilah tersebut sering digunakan dalam wacana kesihatan di peringkat masyarakat. Istilah seperti "anoreksia", "bulimia nervosa", dan "hipertensi" dianggap kurang dikenali kerana ia jarang digunakan dalam bahasa perbualan harian berbanding istilah yang lebih mudah seperti "gangguan pemakanan" atau "tekanan darah tinggi". Penilaian ini juga mengambil kira sama ada istilah tersebut lazim dijelaskan dalam media sosial kesihatan atau memerlukan penerangan tambahan dalam hantaran. Penggunaan istilah yang lebih mudah dan biasa dalam persekitaran masyarakat dijangka dapat meningkatkan pemahaman dan penerimaan mesej dengan lebih berkesan.

Istilah lain seperti "*nutritionist*," "profesion," dan "malpemakanan," serta istilah "roti mil penuh," juga mungkin sukar difahami oleh sesetengah khalayak. Istilah seperti "sedentari" dan "diabetes" juga memerlukan penjelasan tambahan untuk memastikan pemahaman yang tepat, terutama dalam kalangan khalayak yang kurang berpengetahuan dalam bidang kesihatan. Akhir sekali, terdapat hantaran yang menggunakan istilah seperti "asid folik" dan "haemoglobin (Hb)," yang lebih biasa difahami dalam kalangan wanita hamil. Namun, bagi khalayak umum, istilah ini kurang difahami tanpa penjelasan yang jelas kerana kurang diketengahkan dalam perbincangan kesihatan awam secara umum. Oleh itu, penggunaan istilah ini tanpa penjelasan lanjut dalam hantaran mungkin menyukarkan pemahaman khalayak umum yang tidak terdedah dengan maklumat berkaitan kehamilan. Penilaian ini disokong oleh konteks penggunaan istilah dalam hantaran yang tidak disertakan dengan penerangan tambahan yang memadai, yang seterusnya berpotensi menjejaskan keberkesanan penyampaian mesej.

Kesimpulannya, walaupun terdapat usaha yang signifikan untuk menggunakan bahasa yang mudah dan jelas dalam kebanyakan hantaran, penggunaan istilah teknikal yang tidak dijelaskan dengan baik masih wujud dan ini boleh mengurangkan keberkesanan mesej kesihatan yang disampaikan. Kebanyakan pesakit atau orang awam biasanya tidak memahami istilah perubatan, manakala profesional kesihatan pula menganggap orang awam memahami terminologi-terminologi perubatan (Pitt & Hendrickson, 2020). Profesional kesihatan dinasihatkan untuk bukan sahaja mengurangkan penggunaan istilah perubatan kepada kelompok dengan tahap literasi yang rendah, tetapi juga menyeimbangkan penggunaan istilah-istilah teknikal dengan penjelasan jelas untuk meningkatkan pemahaman dan penglibatan orang awam (Xu, 2021). Hal ini juga seiring dengan saranan daripada institusi kesihatan bahawa istilah yang jelas, tepat dan konsisten mengurangkan kekeliruan serta meningkatkan kefahaman awam (National Institutes of Health, 2025). Selain itu, literatur menegaskan keperluan menterjemah dapatan penyelidikan ke dalam bahasa mudah agar jurang kefahaman pesakit dapat dirapatkan (Dews et al., 2024)

#### 3.2.2 Kesesuaian Konteks Sosial dan Budaya

Analisis konteks sosial dan budaya dilakukan bagi melihat sejauh mana pertimbangan budaya dan sosial diambil kira dalam penggunaan istilah, sama ada istilah-istilah dalam hantaran tersebut sensitif dan relevan dengan masyarakat Malaysia. Dalam kajian

ini, analisis kualitatif dilakukan berdasarkan kesesuaian istilah dengan norma, amalan, dan gaya hidup masyarakat Malaysia, serta rujukan silang dengan bahan pendidikan kesihatan tempatan dan glosari Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), Dewan Bahasa dan Pustaka. Penilaian dibuat dengan memerhatikan sama ada istilah yang digunakan adalah biasa dalam perbualan harian rakyat Malaysia atau sesuai dengan konteks budaya tempatan.

Sebanyak 21 daripada 31 hantaran yang dianalisis dalam tempoh satu bulan kajian, didapati sesuai dengan konteks sosial dan budaya rakyat Malaysia. Hantaran yang menggunakan istilah yang dekat dengan budaya tempatan cenderung lebih berkesan dalam menyampaikan mesej kesihatan kepada orang awam, sekali gus meningkatkan pemahaman dan penerimaan mesej yang disampaikan. Penemuan ini menunjukkan bahawa, terdapat perhatian khusus dalam pemilihan istilah yang bersesuaian dengan keperluan dan latar belakang masyarakat tempatan, yang secara tidak langsung menyumbang kepada keberkesanan komunikasi kesihatan melalui media sosial.

Walaupun begitu, terdapat beberapa hantaran yang menggunakan istilah yang mungkin kurang sesuai dengan konteks sosial dan budaya rakyat Malaysia. Sebagai contoh, istilah “pemanis tiruan” digunakan dalam salah satu hantaran. Istilah ini agak jarang digunakan dalam masakan harian rakyat Malaysia, yang lebih biasa dengan penggunaan gula biasa dalam penyediaan makanan dan minuman. Namun, istilah “pemanis tiruan” sering digunakan dalam produk makanan dan minuman komersial yang dipasarkan sebagai “tanpa gula” atau “rendah kalori”. Perkaitan antara kedua-dua istilah ini terletak pada fungsi pemanis tiruan itu sendiri yang digunakan untuk menggantikan gula dalam produk berlabel tanpa gula. Walaupun produk tersebut tidak mengandungi gula asli, ia masih mempunyai rasa manis hasil penggunaan bahan seperti aspartame, *sucralose*, atau stevia yang dikategorikan sebagai pemanis tiruan. Oleh itu, istilah “pemanis tiruan” dan “tanpa gula” saling berkait dalam konteks pemakanan moden, tetapi istilah “pemanis tiruan” kurang difahami dalam kalangan rakyat Malaysia yang tidak biasa membaca label pemakanan secara terperinci.

Tambahan pula, terdapat hantaran yang menggunakan istilah seperti “legum” dan “lentil.” Istilah ini tidak digunakan secara meluas dalam budaya rakyat Malaysia dan mungkin kurang relevan dengan konteks masakan tempatan. Istilah seperti ini yang kurang sensitif terhadap budaya makanan di Malaysia, boleh mengurangkan keberkesanan mesej jika khalayak tidak memahami atau mengenali istilah tersebut. Contoh lain termasuklah penggunaan istilah “hipertensi,” yang lebih jarang digunakan berbanding “tekanan darah tinggi” dalam kalangan masyarakat Malaysia. Istilah “malpemakanan” juga merupakan istilah yang kurang diketahui dan jarang didengari dalam konteks masyarakat tempatan. Kajian ada menyatakan, komunikasi penjagaan kesihatan yang berkesan menjadi bertambah baik dengan menangani halangan bahasa selain menggabungkan ciri-ciri kebudayaan dalam mesej kesihatan, yang meliputi penggunaan bahasa orang tempatan dan mempertimbangkan nilai serta kepercayaan kebudayaan mereka (Razzaq et al., 2023; Tan & Cho, 2019). Sejajar dengan garis panduan global, adaptasi bahasa dan konteks setempat merupakan komponen teras komunikasi kesihatan yang efektif pada peringkat populasi (World Health Organization, 2024).

### 3.2.3 Bias dan Andaian

Bagi analisis bias dan andaian, penyelidik mengenal pasti kewujudan sebarang bias atau andaian dalam penggunaan istilah. Menerusi analisis data hantaran, sebahagian besar hantaran didapati tidak mempunyai sebarang bias atau andaian yang ketara. Namun begitu, terdapat sembilan hantaran yang mengandungi andaian konteks sosial dan budaya, di mana pentadbir laman Facebook mengandaikan bahawa orang awam di Malaysia memahami istilah-istilah yang digunakan dalam hantaran-hantaran tersebut.

Sebagai contoh, terdapat andaian bahawa orang awam memahami istilah makanan seperti “legum” dan “lentil.” Begitu juga, istilah lain seperti “hidrasi,” “dehidrasi,” “versatil,” “*gestational weight gain*,” “makrosomia,” “*eating disorder*,” “anoreksia,” “bulimia nervosa,” “hipertensi,” “profesion,” “malpemakanan,” dan “roti mil penuh” turut digunakan dengan andaian bahawa khalayak memahami makna dan konteks istilah tersebut.

Penggunaan istilah yang kompleks tanpa penjelasan boleh menyebabkan kekeliruan dan mengurangkan keberkesanan mesej kesihatan. Kajian oleh Liu et al. (2021) turut menyatakan bahawa, kedua-dua individu dewasa dan golongan yang lebih berusia mengalami kesukaran yang lebih besar untuk memproses dan mengingati mesej kesihatan yang kompleks dari segi bahasa, manakala mesej yang lebih mudah menjana reaksi yang lebih positif dan ingatan yang lebih baik, tanpa mengira umur. Hal ini kerana khalayak mungkin tidak mempunyai latar belakang pengetahuan yang mencukupi untuk memahami istilah-istilah tersebut. Apabila mesej kesihatan dilihat sebagai kompleks, ia meningkatkan ketidakpastian tentang isu dan ketika ingin membuat keputusan, yang boleh menjejaskan hasil tingkah laku seperti yang diinginkan (Zimbres et al., 2022). Oleh itu, penting untuk mengelakkan bias dan andaian dalam komunikasi, dengan memastikan bahawa semua istilah dijelaskan dengan jelas atau digantikan dengan istilah yang lebih mudah difahami oleh khalayak umum.

### 3.3 Kekuatan Dan Kelemahan Teks

Berdasarkan dapatan kajian di atas, hantaran-hantaran di Facebook Nutritionistkkm mempunyai beberapa kekuatan berkaitan penggunaan istilah. Pertama, kejelasan istilah yang digunakan. Sebahagian besar istilah kesihatan yang digunakan dalam hantaran ini adalah jelas dan mudah difahami. Penggunaan istilah yang mudah difahami oleh orang awam adalah kekuatan utama yang meningkatkan keberkesanan komunikasi. Ini turut ditekankan oleh Lyudmyla Galayevska (2020) yang menyatakan, penggunaan kosa kata kata umum menyumbang kepada peningkatan keberkesanan komunikasi secara oral.

Kedua, kebanyakan istilah yang digunakan adalah sesuai dan digunakan dalam konteks yang betul. Penggunaan istilah yang tepat dan relevan membantu meningkatkan keberkesanan komunikasi, memastikan mesej kesihatan disampaikan dengan jelas dan tepat, serta menjadikannya lebih mesra pengguna. Ini selari dengan dapatan oleh Ho et al. (2024) yang menyatakan, komunikasi yang berkesan antara doktor gigi dan pesakit, berteraskan pendekatan berpusatkan pesakit serta penggunaan bahasa yang jelas, ringkas, lengkap dan padu, berupaya meningkatkan kecekapan amalan pergigian, tahap kepuasan pesakit, dan kesejahteraan pesakit secara

menyeluruh. Ketiga, kebanyakan istilah juga sesuai dengan budaya dan konteks tempatan. Teks yang sesuai dengan budaya dan konteks tempatan cenderung lebih diterima dan difahami oleh orang awam, yang seterusnya meningkatkan penerimaan dan pemahaman mesej kesihatan. Ini turut dijelaskan oleh Brooks et al. (2019) yang menyatakan, komunikasi penjagaan kesihatan yang peka budaya merangkumi pemahaman terhadap budaya sendiri, komunikasi yang terbuka dan sensitif, serta penerapan strategi kerjasama dengan pesakit dan keluarga bagi memastikan penjagaan pesakit yang optimum.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam penggunaan istilah dalam hantaran Facebook ini yang telah dikenal pasti. Pertama, terdapat beberapa keaburan dan kesukaran dalam pemahaman istilah dalam teks hantaran. Mesej kesihatan yang bersifat kabur seperti kurang jelas, kurang berwibawa, atau tidak memadai secara konsisten meningkatkan tahap ketidakpastian yang dirasakan, menimbulkan kekeliruan, serta mencetuskan respons emosi negatif seperti kebimbangan dan penilaian pesimis (contohnya, persepsi risiko penyakit yang lebih tinggi) dalam kalangan penerima (Han et al., 2021; Simonovic & Taber, 2021). Kedua, terdapat juga beberapa istilah yang tidak sesuai atau relevan dengan konteks tempatan. Penggunaan istilah yang jarang digunakan dalam budaya tempatan boleh mengurangkan keberkesanan komunikasi, kerana khalayak mungkin tidak biasa dengan istilah tersebut.

Ketiga, kekurangan penjelasan dan contoh konkrit juga dikenal pasti sebagai kelemahan. Dengan menyediakan penjelasan yang lebih terperinci dan contoh yang kuat, keberkesanan komunikasi dapat ditingkatkan, memastikan mesej kesihatan difahami dengan lebih baik oleh khalayak. Kajian menunjukkan bahawa memberi penjelasan terperinci dan contoh yang kukuh dalam komunikasi kesihatan tidak hanya meningkatkan kefahaman khalayak, tetapi juga meningkatkan keberkesanan mesej melalui penglibatan dan penerimaan yang lebih baik (Jenstad et al., 2024; Sharkiya, 2023;). Keempat, terdapat juga andaian bahawa orang awam memahami sesetengah istilah yang bersifat teknikal. Tanpa penjelasan yang mencukupi, terdapat risiko bahawa mesej kesihatan tidak difahami dengan betul. Adalah penting untuk tidak membuat andaian tentang pemahaman orang awam dan menyediakan penjelasan yang jelas dan lengkap untuk memastikan semua khalayak mendapat manfaat penuh daripada mesej yang disampaikan. Kajian secara konsisten menunjukkan bahawa, walaupun manusia mampu membuat inferens atau meramalkan keadaan mental orang lain melalui mekanisme seperti empati, teori minda dan persepsi sosial, proses ini tidak memberikan akses secara langsung terhadap pengalaman subjektif individu tersebut. Sifat pengalaman sedar (*qualia*) yang unik dan peribadi menjadikan pemahaman sentiasa bersifat separa serta dimediasi oleh kerangka interpretasi kita sendiri (Fei, 2021; Filatov, 2020; Schramme, 2024).

Secara keseluruhan, walaupun terdapat kekuatan yang signifikan dalam penggunaan istilah yang jelas, tepat, dan sesuai dengan konteks tempatan, penambahbaikan dalam penjelasan, relevansi budaya, dan penghindaran dari andaian yang tidak tepat akan membantu meningkatkan keberkesanan komunikasi kesihatan di platform ini. Penggunaan istilah yang jelas, ringkas dan konsisten dengan prinsip bahasa mudah juga selari dengan cadangan daripada institusi kesihatan untuk meningkatkan kefahaman khalayak (National Institutes of Health, 2025).

### 3.4 Cadangan untuk Komunikasi Kesihatan di Malaysia

Terdapat beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh pihak yang berkaitan dalam komunikasi kesihatan bersama orang awam. Pertama, penggantian dan penyesuaian istilah. Istilah-istilah teknikal atau yang sukar difahami oleh orang awam perlu digantikan dengan istilah yang lebih mudah atau lebih sesuai dengan konteks tempatan. Sebagai contoh, istilah “legum” boleh digantikan dengan “kekacang,” manakala “lentil” boleh digantikan dengan “kacang dal” yang lebih dekat dengan pemahaman orang awam di Malaysia. Begitu juga dengan istilah “dehidrasi,” yang boleh digantikan dengan huraian atau takrifan konsep “kekurangan air dalam badan,” dan “hidrasi” yang boleh digantikan dengan “air cukup dalam badan” atau “badan cukup air” mengikut kesesuaian. Istilah “versatil” pula boleh digantikan dengan “pelbagai cara” atau “pelbagai guna.” Dengan menggunakan istilah yang lebih dikenali atau lebih mudah, keberkesanan komunikasi dapat dipertingkatkan kerana mesej menjadi lebih mudah difahami oleh khalayak (Elliott et al., 2023; Gottlieb et al., 2022). Cadangan ini turut diperkuatkan oleh bukti bahawa media sosial menjadi saluran utama untuk penyebaran maklumat kesihatan kepada orang awam (Chen et al., 2021; Lim et al., 2022).

Kedua, penggunaan contoh bagi menguatkan pemahaman istilah yang digunakan. Pihak berkaitan boleh mempertimbangkan untuk menyertakan beberapa contoh yang dekat dengan budaya dan sosial rakyat Malaysia dalam penyampaian maklumat kesihatan bagi membantu orang awam memahami konteks istilah yang digunakan dalam hantaran media sosial. Penggunaan contoh yang bersifat tempatan, seperti nama makanan dan resipi, membantu orang awam memahami konsep kesihatan dengan lebih baik dan menjadikan maklumat lebih relevan serta boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Ini disokong oleh dapatan daripada Cheney et al. (2023) yang menyatakan, terdapat keperluan untuk memperluas akses kepada pendidikan pemakanan berasaskan bukti serta penyediaan produk makanan yang sesuai dengan budaya, yang boleh digabungkan dengan mudah dalam penyediaan makanan harian.

Ketiga, penggunaan istilah yang sesuai dengan konteks tempatan. Sebagai contoh, istilah “diabetes” boleh digantikan dengan istilah “kencing manis” kerana ia lebih dikenali oleh orang awam. Begitu juga dengan istilah “hipertensi” yang boleh ditukarkan kepada “tekanan darah tinggi.” Penggunaan istilah yang relevan dengan konteks tempatan dapat membantu menyampaikan mesej dengan lebih berkesan, memastikan bahawa mesej kesihatan difahami dan diterima oleh khalayak (Babalola et al., 2025; Taylor & Kazembe, 2024).

Keempat, penambahan penjelasan bagi istilah yang kompleks atau teknikal. Kajian menunjukkan bahawa sesetengah istilah perubahan yang jarang didengar atau hanya digunakan dalam kalangan profesional boleh menyebabkan salah faham di kalangan orang awam (Gottlieb et al., 2022; Wahrenbrock et al., 2025). Oleh itu, istilah-istilah ini perlu disertakan dengan penjelasan tambahan seperti definisi dalam bahasa biasa atau konteks penggunaan (Lalor et al., 2024; Maurer et al., 2021), bagi memastikan mesej kesihatan difahami dengan betul oleh khalayak. Sebagai contoh, istilah “anoreksia” dan “bulimia nervosa” memerlukan penjelasan tambahan kerana ia adalah istilah yang kompleks dan jarang didengari oleh orang awam. Penjelasan tambahan yang sesuai bagi

istilah ini boleh disertakan dalam bentuk huraian ringkas seperti “anoreksia adalah gangguan makan yang menyebabkan seseorang tidak mahu makan kerana takut berat badan bertambah” dan “bulimia nervosa adalah gangguan makan yang menyebabkan seseorang makan dengan banyak dan kemudian sengaja memuntahkan semula makanan.” Penjelasan seperti ini membantu audiens memahami maksud istilah tanpa perlu membuat carian tambahan.

Begitu juga dengan istilah “asid folik” dan “haemoglobin (Hb)” yang memerlukan penerangan tambahan untuk menjelaskan maksud dan kepentingannya, terutamanya bagi wanita yang tidak mempunyai pengalaman kehamilan. Sebagai contoh, istilah “asid folik” boleh disertakan dengan penerangan seperti “asid folik adalah sejenis vitamin B yang penting untuk mengelakkan kecacatan kelahiran pada bayi” manakala “haemoglobin (Hb)” boleh dijelaskan sebagai “komponen darah yang membawa oksigen ke seluruh badan.” Penjelasan tambahan seperti ini bukan sahaja memudahkan pemahaman khalayak, tetapi juga meningkatkan keberkesanan penyampaian mesej kesihatan di media sosial.

Untuk cadangan penyelidikan masa hadapan, penyelidik boleh menumpukan kepada penggantian dan penyesuaian istilah teknikal dengan istilah yang lebih mudah difahami dan lebih sesuai dengan konteks budaya tempatan. Selain itu, penyelidik juga boleh menjalankan kajian yang lebih mendalam mengenai pengaruh norma sosial dan budaya tempatan dalam penerimaan mesej kesihatan. Dengan memahami konteks budaya yang berbeza, penyelidik dapat mencadangkan pendekatan komunikasi yang lebih efektif dan sensitif budaya.

#### 4.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, analisis terhadap hantaran di laman Facebook Nutritionistkk menunjukkan bahawa, penggunaan istilah yang jelas, relevan, dan sesuai dengan konteks budaya tempatan merupakan elemen penting dalam menjamin keberkesanan komunikasi kesihatan. Sebahagian besar hantaran telah berjaya menyampaikan mesej yang mudah difahami oleh orang awam, mencerminkan usaha untuk memastikan bahasa yang digunakan adalah mesra pengguna serta sensitif terhadap budaya Malaysia. Walau bagaimanapun, masih terdapat kelemahan tertentu yang perlu diberi perhatian, khususnya berkaitan penggunaan istilah teknikal yang kurang dikenali dan kecenderungan untuk mengandaikan bahawa orang awam mampu memahami istilah yang lebih kompleks tanpa penjelasan tambahan. Justeru, pendekatan komunikasi yang lebih terarah dan berorientasikan budaya diyakini dapat memperkukuh peranan media sosial dalam mendidik masyarakat serta mendorong perubahan tingkah laku positif, sekali gus menyumbang kepada peningkatan kesihatan awam.

Walaupun dapatan ini memberikan gambaran yang bermakna, kajian ini tidak terlepas daripada beberapa batasan. Penyelidikan hanya tertumpu kepada analisis teks daripada hantaran Facebook Nutritionistkk dalam tempoh satu bulan, iaitu pada Mei 2024. Keterbatasan masa ini berkemungkinan tidak mewakili keseluruhan corak komunikasi sepanjang tahun. Tambahan pula, kajian tidak menilai tahap pemahaman audiens atau respons pengguna secara langsung, sebaliknya memberi tumpuan kepada penilaian kebolehfahaman istilah melalui analisis kandungan teks dan pertimbangan kualitatif penyelidik. Oleh itu, hasil kajian ini perlu ditafsirkan dengan mengambil kira keterbatasan tersebut.

Batasan lain termasuk pendekatan berasaskan kekerapan istilah, yang mungkin tidak memberi perhatian sewajarnya kepada istilah yang jarang digunakan tetapi penting. Namun, usaha untuk mengatasi kekangan ini telah dilaksanakan dengan menggabungkan analisis kualitatif tambahan, sekali gus memastikan istilah kritikal tetap diambil kira dalam pembangunan tema. Dengan pendekatan gabungan ini, kajian berjaya memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang penggunaan istilah kesihatan di media sosial serta implikasinya terhadap kefahaman dan penerimaan maklumat kesihatan oleh masyarakat Malaysia.

Sehubungan itu, penyelidikan masa hadapan wajar diperluaskan melibatkan tempoh masa yang lebih panjang serta platform media sosial lain yang turut dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Kajian susulan juga boleh menggabungkan kaedah tinjauan atau temu bual bersama khalayak sasaran bagi menilai tahap kefahaman sebenar terhadap istilah yang digunakan. Di samping itu, usaha ke arah pembangunan glosari kesihatan yang mesra pengguna dalam media sosial boleh dipertimbangkan sebagai strategi praktikal untuk meningkatkan literasi kesihatan dalam kalangan masyarakat Malaysia.

#### PENGHARGAAN

Kajian ini tidak dibiayai oleh sebarang geran daripada badan pembiayaan dalam sektor awam, swasta atau sektor bukan berasaskan keuntungan.

#### KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

#### SUMBANGAN PENULIS

Muhammad Wa'iz Md Norman (Analisis formal, Konseptualisasi, Metodologi, Pengesahan, Pengurusan data, Penulisan – deraf asal, Penyelidikan, Perisian, Sumber, Visualisasi)

Zaliza Mohamad Nasir (Penulisan – semakan & penyuntingan, Penyeliaan)

## RUJUKAN

- Agoulmam, I., & Chakor, A. (2024). Influence of social media on physicians' behaviors. *International Journal of Scientific Research and Management (IJSRM)*, 12(04), 1814–1822. <https://doi.org/10.18535/ijorm/v12i04.sh03>
- Azlan, A. A., Hamzah, M. R., Tham, J. S., Ayub, S. H., Ahmad, A. L., & Mohamad, E. (2021). Associations between health literacy and sociodemographic factors: a cross-sectional study in Malaysia utilising the HLS-M-Q18. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 18(9). <https://doi.org/10.3390/ijerph18094860>
- Babalola, A. E., Johnson, V., Oromakinde, A., Azeez, O., Aderinto, N., Onasanya, O., & Akinloye, S. (2025). The role of local languages in effective health service delivery. *Discover Public Health*, 22(1). <https://doi.org/10.1186/s12982-025-00429-5>
- Bakhit, M., Hoffmann, T., Scott, A. M., Sanders, S., Thorning, S., Bourke, N., & Del Mar, C. (2024). Cardiovascular disease risk communication and prevention: A systematic review of primary care interventions. *Patient Education and Counseling*, 117, 107767. <https://doi.org/10.1016/j.pec.2024.107767>
- Bastani, P., & Bahrami, M. A. (2020). COVID-19 related misinformation on social media: a qualitative study from Iran. *Journal of Medical Internet Research*. <https://doi.org/10.2196/18932>
- Brooks, L. A., Manias, E., & Bloomer, M. J. (2019). Culturally sensitive communication in healthcare: A concept analysis. *Collegian*, 26(3), 383–391. <https://doi.org/10.1016/j.collegn.2018.09.007>
- Centers for Disease Control and Prevention. (2025, July 21). *Plain language materials & resources*. U.S. Department of Health & Human Services. <https://www.cdc.gov/healthliteracy/developmaterials/plainlanguage.html>
- Chatterjee, A., Prinz, A., Gerdes, M., & Martinez, S. (2021). Digital interventions on healthy lifestyle management: Systematic review. *Journal of Medical Internet Research*, 23. <https://doi.org/10.2196/26931>
- Chen, J., & Wang, Y. (2021). Social media usage for health purposes: Systematic review. *Journal of Medical Internet Research*, 23(5). <https://doi.org/10.2196/17917>
- Chen, C., Wang, H., Shapiro, M., Xiao, Y., Wang, F., & Shu, K. (2022). Combating health misinformation in social media: characterization, detection, intervention, and open issues. In arXiv [cs.SI]. arXiv. <http://arxiv.org/abs/2211.05289>
- Cheney, A. M., McCarthy, W. J., Pozar, M., Reaves, C., Ortiz, G., Lopez, D., Saldivar, P. A., & Gelberg, L. (2023). “Ancestral recipes”: a mixed-methods analysis of MyPlate-based recipe dissemination for Latinos in rural communities. *BMC Public Health*, 23(1). <https://doi.org/10.1186/s12889-022-14804-3>
- Dadgostar, P., Qin, Q., Cui, S., Ashcraft, L. E., & Yousefi-Nooraie, R. (2024). Using social media to disseminate behavior change interventions: A scoping review of systematic reviews (Preprint). *Journal of Medical Internet Research*. <https://doi.org/10.2196/57370>
- Daniele, F. (2021). The centrality of language in health communication. *European Scientific Journal*, 17(30), 24. <https://doi.org/10.19044/esj.2021.v17n30p24>
- Deng, Q., Hine, M., Ji, S., & Wang, Y. (2021). Understanding consumer engagement with brand posts on social media: The effects of post linguistic styles. *Electron. Commer. Res. Appl.*, 48, 101068. <https://doi.org/10.1016/J.ELERAP.2021.101068>
- Dews, S.-A., Daley, R., Bansal, A., Preston, J., & Bohm, N. (2024). The power of language: How to bridge the gap between healthcare research and patients – a scoping review. *Current Medical Research and Opinion*, 40(2), 279–291. <https://doi.org/10.1080/03007995.2023.2295984>
- Donadello, I., & Dragoni, M. (2022). AI-enabled persuasive personal health assistant. *Social Network Analysis and Mining*, 12. <https://doi.org/10.1007/s13278-022-00935-3>
- Dragoni, M., Donadello, I., & Eccher, C. (2020). Explainable AI meets persuasiveness: Translating reasoning results into behavioral change advice. *Artificial Intelligence in Medicine*, 105, 101840. <https://doi.org/10.1016/j.artmed.2020.101840>
- Elliott, S. A., Scott, S. D., Charide, R., Patterson-Stallwood, L., Shahab Sayfi, Motilall, A., Baba, A., Lotfi, T., Jozef Suvada, Miloslav Klugar, Kredo, T., Mathew, J. L., Richards, D. P., Butcher, N. J., Offringa, M., Pottie, K., Schünemann, H. J., & Hartling, L. (2023). A multimethods randomized trial found that plain language versions improved parents' understanding of health recommendations. *Journal of Clinical Epidemiology*, 161, 8–19. <https://doi.org/10.1016/j.jclinepi.2023.06.018>
- Faria-Schützer, D., Surita, F., Alves, V., Bastos, R., Campos, C., & Turato, E. (2021). Seven steps for qualitative treatment in health research: the clinical-qualitative content analysis. *Ciencia & Saude Coletiva*, 26 1, 265-274. <https://doi.org/10.1590/1413-81232020261.07622019>
- Fei, D. (2021). In what sense should we talk about the perception of other minds? *Cultures of Science*, 3, 267 - 279. <https://doi.org/10.1177/20966083211006489>
- Filatov, V. (2020). Social understanding and the problem of “other mind”. *Epistemology & Philosophy of Science*, 57, 6-22. <https://doi.org/10.5840/eps202057453>
- Fiset, J., Bhawe, D., & Jha, N. (2023). The effects of language-related misunderstanding at work. *Journal of Management*, 50, 347 - 379. <https://doi.org/10.1177/01492063231181651>
- Gotlieb, R., Praska, C., & Hendrickson, M. A. (2022). Accuracy in patient understanding of common medical phrases. *JAMA Network Open*, 5(11). <https://doi.org/10.1001/jamanetworkopen.2022.42972>

- Hagg, E., Dahinten, V. S., & Currie, L. M. (2018). The emerging use of social media for health-related purposes in low and middle-income countries: A scoping review. *International Journal of Medical Informatics*, 115, 92–105. <https://doi.org/10.1016/j.ijmedinf.2018.04.010>
- Han, P., Scharnetzki, E., Scherer, A., Thorpe, A., Lary, C., Waterston, L., Fagerlin, A., & Dieckmann, N. (2021). Communicating scientific uncertainty about the COVID-19 pandemic: Online experimental study of an uncertainty-normalizing strategy. *Journal of Medical Internet Research*, 23. <https://doi.org/10.2196/27832>
- Hayes, E., Dua, R., Yeung, E., & Fan, K. (2018). Patient understanding of commonly used oral medicine terminology. *British Dental Journal*, 223(11), 842–845. <https://doi.org/10.1038/sj.bdj.2017.991>
- Heffner, J., Vives, M., & FeldmanHall, O. (2021). Emotional responses to prosocial messages increase willingness to self-isolate during the COVID-19 pandemic. *Personality and Individual Differences*, 170, 110420 - 110420. <https://doi.org/10.1016/j.paid.2020.110420>
- Hildenbrand, G. (2021). Explaining jargon using clear communication strategies. *Communication Teacher*, 1-4. <https://doi.org/10.1080/17404622.2021.1906924>
- Ho, J. C. Y., Chai, H. H., Lo, E. C. M., Huang, M. Z., & Chu, C. H. (2024). Strategies for effective dentist-patient communication: A literature review. *Patient Preference and Adherence*, 18, 1385–1394. <https://doi.org/10.2147/PPA.S465221>
- Jaafar, N., Perialathan, K., Krishnan, M., Juatan, N., Ahmad, M., Mien, T. Y. S., Salleh, K. Z., Isa, A., Mohamed, S. S., Hanit, N. H. A., Hasani, W. S. R., Mohamad, E. M. W., & Johari, M. Z. (2021). Malaysian health literacy: scorecard performance from a national survey. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 18(11). <https://doi.org/10.3390/ijerph18115813>
- Jenstad, L. M., Howe, T., Breau, G., Abel, J., Colozzo, P., Halas, G., Mason, G., Rieger, C., Simon, L., & Strachan, S. (2024). Communication between healthcare providers and communicatively-vulnerable patients with associated health outcomes: A scoping review of knowledge syntheses. *Patient education and counseling*, 119, 108040. <https://doi.org/10.1016/j.pec.2023.108040>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (n.d.). *Nutritionistkkk* [Facebook page]. Facebook. Retrieved May 2024, from [https://www.facebook.com/bahagianpemakanan/?locale=ms\\_MY](https://www.facebook.com/bahagianpemakanan/?locale=ms_MY)
- Lalor, J. P., Levy, D. A., Jordan, H. S., Hu, W., Smirnova, J. K., & Yu, H. (2024). Evaluating expert-layperson agreement in identifying jargon terms in electronic health record notes: Observational study. *Journal of Medical Internet Research*, 26, e49704–e49704. <https://doi.org/10.2196/49704>
- Lee, J., Lee, Y., & Park, C. (2021). Do the linguistic styles of brand messages affect the customer engagement on social media? *Korean Management Review*, 50(2), 331–356. <https://doi.org/10.17287/kmr.2021.50.2.331>
- Leslie, A., Ratzan, S. C., Morio, K., & Baur, C. (2025). Lessons learned: Enhancing rural risk communication for future pandemics. *Frontiers in Public Health*, 13, 1594833. <https://doi.org/10.3389/fpubh.2025.1594833>
- Lim, M. S. C., Molenaar, A., Brennan, L., Reid, M., & McCaffrey, T. (2022). *Young adults' use of different social media platforms for health information: Insights from web-based conversations*. *Journal of Medical Internet Research*, 24(1), e23656. <https://doi.org/10.2196/23656>
- Lim, W. (2024). What is qualitative research? An overview and guidelines. *Australasian Marketing Journal*, 33, 199 - 229. <https://doi.org/10.1177/14413582241264619>
- Lindgren, B., Lundman, B., & Graneheim, U. (2020). Abstraction and interpretation during the qualitative content analysis process. *International Journal of Nursing Studies*, 108, 103632. <https://doi.org/10.1016/j.ijnurstu.2020.103632>
- Liu, X., Mikels, J., & Stine-Morrow, E. (2021). The psycholinguistic and affective processing of framed health messages among younger and older adults. *Journal of Experimental Psychology: Applied*. <https://doi.org/10.1037/xap0000285>
- Lyudmyla Galayevska. (2020). Increasing the effectiveness of lyceum students' spoken communication. *Ukrainian Educational Journal*, 4, 161–168. <https://doi.org/10.32405/2411-1317-2020-4-161-168>
- Maurer, M., Siegel, J. E., Firminger, K. B., Lowers, J., Dutta, T., & Chang, J. S. (2021). Lessons learned from developing plain language summaries of research studies. *HLRP: Health Literacy Research and Practice*, 5(2). <https://doi.org/10.3928/24748307-20210524-01>
- Morgan, H. (2022). Conducting a qualitative document analysis. *The Qualitative Report*. <https://doi.org/10.46743/2160-3715/2022.5044>
- Musso, M., Pinna, R., Trombin, M., & Carrus, P. P. (2020). Social media to improve health promotion and health literacy for patients engagement. *Digital Transformation and New Challenges*, 103–120. [https://doi.org/10.1007/978-3-030-43993-4\\_10](https://doi.org/10.1007/978-3-030-43993-4_10)
- Nabi, R. L., Huskey, R., Nicholls, S. B., Keblusek, L., & Reed, M. (2019). When audiences become advocates: Self-induced behavior change through health message posting in social media. *Computers in Human Behavior*, 99, 260–267. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2019.05.030>
- Nani, N. (2024). The influence of language on interaction and communication within social media platforms. *Focus Journal Language Review*. <https://doi.org/10.62795/fjlg.v2i2.295>

- National Institutes of Health. (2025, February 21). *Clear & Simple*. National Institutes of Health (NIH). <https://www.nih.gov/institutes-nih/nih-office-director/office-communications-public-liaison/clear-communication/clear-simple>
- Park, H. W., Park, S., & Chong, M. (2020). Conversations and medical news frames on Twitter: Infodemiological study on COVID-19 in South Korea. *Journal of Medical Internet Research*, 22(5), e18897. <https://doi.org/10.2196/18897>
- Pedrini, G. (2023). Plain language and text accessibility in health communication. In S. Deilen, S. Hansen-Schirra, S. H. Garrido, C. Maaß, & A. Tardel (Eds.), *Emerging Fields in Easy Language and Accessible Communication Research* (pp. 457–481). Frank & Timme GmbH. [https://doi.org/10.57088/978-3-7329-9026-9\\_17](https://doi.org/10.57088/978-3-7329-9026-9_17)
- Perialathan, K., Seman, Z., Hanit, N. H. A., Jaafar, N., Mien, T. Y. S., Krishnan, M., Ahmad, M., Sanusi, N. H., Johari, M. Z., & Shahril, M. I. (2023). Association of health literacy and socio-demographic factors among Malaysian Adults: Findings from National Health Morbidity Survey (NHMS) 2019. *International Journal of Academic Research in Economics and Management Sciences*, 12(3). <http://dx.doi.org/10.6007/IJAREMS/v12-i3/18856>
- Pettigrew, S., Talati, Z., & Pratt, I. S. (2017). Health communication implications of the perceived meanings of terms used to denote unhealthy foods. *BMC Obesity*, 4, 3. <https://doi.org/10.1186/s40608-016-0142-0>
- Pezzuti, T., Leonhardt, J., & Warren, C. (2021). Certainty in language increases consumer engagement on social media. *Journal of Interactive Marketing*, 53, 32 - 46. <https://doi.org/10.1016/j.intmar.2020.06.005>
- Pitt, M. B., & Hendrickson, M. A. (2020). Eradicating jargon-oblivion—a proposed classification system of medical jargon. *Journal of General Internal Medicine*, 35(6), 1861–1864. <https://doi.org/10.1007/s11606-019-05526-1>
- Pitt, M. B., & Hendrickson, M. A. (2021). Response to letter to the editor re: Eradicating jargon-oblivion—a proposed classification system of medical jargon. *Journal of General Internal Medicine*, 36, 1112 - 1112. <https://doi.org/10.1007/s11606-020-06545-z>
- Pocock, N. S., Chan, Z., Loganathan, T., Suphanchaimat, R., Kosiyaporn, H., Allotey, P., Chan, W. K., & Tan, D. (2020). Moving towards culturally competent health systems for migrants? Applying systems thinking in a qualitative study in Malaysia and Thailand. *PLoS one*, 15(4), e0231154. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0231154>
- Porat, T., Nyrop, R., Calvo, R. A., Paudyal, P., & Ford, E. (2020). Public health and risk communication during COVID-19 - Enhancing psychological needs to promote sustainable behavior change. *Frontiers in Public Health*, 8, 573397. <https://doi.org/10.3389/fpubh.2020.573397>
- Razzaq, N., Farzeen Khan, E., & Razzaq, S. (2023). Analyzing the role of language and religion in culturally competent healthcare: An interdisciplinary perspective. *Annals of Innovation in Medicine*, 1(3). <https://doi.org/10.59652/aim.v1i3.61>
- Rocha-Silva, T., Nogueira, C., & Rodrigues, L. (2023). Passive data collection on Reddit: a practical approach. *Research Ethics*, 20, 453 - 470. <https://doi.org/10.1177/17470161231210542>
- Rosenberg, K. (2023). Medical jargon may lead to confusion among patients. *The American Journal of Nursing*, 123(3), 61. <https://doi.org/10.1097/01.NAJ.0000921824.12151.35>
- Sayfi, S., Charide, R., Elliott, S. A., Hartling, L., Munan, M., Stallwood, L., Butcher, N. J., Richards, D. P., Mathew, J. L., Jozef Suvada, Akl, E. A., Kreda, T., Mbuagbaw, L., Motilall, A., Baba, A., Scott, S. D., Maicon Falavigna, Miloslav Klugar, Tereza Friessová, & Lotfi, T. (2024). A multimethods randomized trial found that plain language versions improved adults' understanding of health recommendations. *Journal of Clinical Epidemiology*, 165, 111219. <https://doi.org/10.1016/j.jclinepi.2023.11.009>
- Schramme, T. (2024). Empathy as a means to understand people. *Philosophical Explorations*, 27, 157 - 170. <https://doi.org/10.1080/13869795.2024.2344975>
- Sehdev, M., Huang, M., Joseph, N., Nabel, K. G., & Vora, K. (2021). Twelve tips for public health education using social media. *MedEdPublish* (2016), 10, 139. <https://doi.org/10.15694/mep.2021.000139.1>
- Sharki, S. H. (2023). Quality communication can improve patient-centred health outcomes among older patients: A rapid review. *BMC Health Services Research*, 23, 886. <https://doi.org/10.1186/s12913-023-09869-8>
- Sierpe, A., Leyenaar, J., & Saunders, C. (2025). Qualitative approaches in health services research: A methodological primer. *Hospital Pediatrics*. <https://doi.org/10.1542/hpeds.2024-007978>
- Simonovic, N., & Taber, J. (2021). Psychological impact of ambiguous health messages about COVID-19. *Journal of Behavioral Medicine*, 45, 159 - 171. <https://doi.org/10.1007/s10865-021-00266-2>
- Tan, N. Q. P., & Cho, H. (2019). Cultural appropriateness in health communication: A review and a revised framework. *Journal of Health Communication*, 24(5), 492–502. <https://doi.org/10.1080/10810730.2019.1620382>
- Taye, R., Paswan, A., & Deori, K. (2024). *Effectiveness of cultural sensitivity on public health infographics in diverse population*. SSRN Electronic Journal. <https://doi.org/10.2139/ssrn.5015994>
- Telang, L. A., Daud, H. S., Rosita-Hanif, Z., Nizam, B., Cotter, A. G., & Rashid, A. (2025). Community involvement and engagement in designing a social-media based educational intervention for oral and sexual health promotion in transgender women in Malaysia: a narrative summary. *Research involvement and engagement*, 11(1), 29. <https://doi.org/10.1186/s40900-025-00683-6>
- Taylor, A., & Kazembe, P. (2024). Assessing language barriers in health facilities in Malawi. *BMC Health Services Research*, 24(1). <https://doi.org/10.1186/s12913-024-11901-4>

- Toma, M., Anderson, J., Forster, S., Shiels, P., Windsor, S., & Gray, N. (2022). Perceived impact of formulating, implementing and enacting national mental health policies recommendations in practice: An exploratory qualitative study within child and adolescent mental health services in Scotland. *Journal of Health Services Research & Policy*, 27, 203 - 210. <https://doi.org/10.1177/13558196211072472>
- Tutubalina, E., Miftahudinov, Z., Nikolenko, S., & Malykh, V. (2018). Medical concept normalization in social media posts with recurrent neural networks. *Journal of Biomedical Informatics*, 84, 93–102. <https://doi.org/10.1016/j.jbi.2018.06.006>
- Wahrenbrock, T., Landry, K., Amin, D. P., Rizvanolli, L., Chandrasekaran, R., Mycyk, M. B., & Routsolias, J. C. (2025). Medical jargon is often misunderstood by emergency department patients. *The American Journal of Emergency Medicine*. <https://doi.org/10.1016/j.ajem.2025.06.012>
- Wang, Y., & Zhang, J. (2019a). Impact of social media on public health. *Annals of Social Sciences & Management Studies*, 3(2), 38–40. <https://doi.org/10.19080/ASM.2019.03.555608>
- Wang, Y., McKee, M., Torbica, A., & Stuckler, D. (2019b). Systematic literature review on the spread of health-related misinformation on social media. *Social Science & Medicine*, 240, 112552. <https://doi.org/10.1016/j.socscimed.2019.112552>
- World Health Organization. (2024, August 5). *Health literacy*. <https://www.who.int/health-topics/health-literacy>
- Wu, J., Chen, J., Chen, H., Dou, W., & Shao, D. (2019). What to say on social media and how: Effects of communication style and function on online customer engagement in China. *Journal of Service Theory and Practice*, 29(5/6), 691–707. <https://doi.org/10.1108/JSTP-11-2018-0243>
- Xu, Z. (2021). I don't understand you but I trust you: using computer-aided text analysis to examine medical terminology use and engagement of vaccine online articles. *Journal of Communication in Healthcare*, 14(1), 61–67. <https://doi.org/10.1080/17538068.2020.1755137>
- Zhao, W., Meng, K., Sun, L., Ma, J., & Jia, Z. (2023). Language style and recognition of the answers in health Q&A community: Moderating effects of medical terminology. *Journal of Information Science and Engineering*, 01655515231171367. <https://doi.org/10.1177/01655515231171367>
- Zimbres, T., Bell, R., Miller, L., & Zhang, J. (2022). Contradictory and complex health messages: an experimental test of different sources of uncertainty. *Communication Research Reports*, 39, 147 - 159. <https://doi.org/10.1080/08824096.2022.2065256>